

Biasiswa Florida untuk pelajar dan staf yang cemerlang

18 November, 2008- Pelajar dan staf yang cemerlang daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), boleh memohon tajaan biasiswa daripada Florida International University (FIU) untuk menyambung pendidikan.

Menurut Dekan Pelajar Siswazah, Jai K Navlakha, FIU mencari calon yang berpotensi sebagai calon PhD, mengisi jawatan sebagai penyelidik. Sebagai universiti awam yang mempunyai hampir 40, 000 ribu pelajar dan yang ke-24 terbesar di USA, dan mempunyai 1000 pelajar pasca siswazah dalam Jabatan Kejuruteraan. Lebih daripada USD 100 juta tabung penyelidikan adalah daripada NASA dan NSF.

UniMAP, adalah salah satu universiti di Malaysia yang telah dikenal pasti oleh FIU untuk menyumbang kepada pembangunan manusia, selain daripada beberapa buah universiti di Thailand.

“Saya mengetahui tentang UniMAP daripada Prince of Songkhla Universiti (PSU), Thailand PSU telah mencadangkan UniMAP turut terlibat dalam aktiviti ini. UniMAP salah sebuah universiti yang sedang menuju ke arah kecemerlangan,” ujar Dekan berkenaan semasa diskusi antara beliau dan Dekan-dekan di UniMAP.